

RETI BAHASA DAN POTENSI KEILMUANNYA

(Reti Bahasa and Its Knowledge Potential)

Mohd Tarmizi Hasrah
h.tarmizi@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM, Sintok, Kedah, Malaysia.

Rujukan artikel ini (*To cite this article*). Mohd Tarmizi Hasrah. (2023). *Reti bahasa dan potensi keilmuannya*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(2), 159–184. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jm.16(2)no1)

Peroleh: Received:	24/3/2023	Semakan: Revised	7/4/2023	Terima: Accepted:	17/4/2023	Terbit dalam talian: Published online:	5/7/2023
-----------------------	-----------	---------------------	----------	----------------------	-----------	---	----------

Abstrak

Membangunkan kerangka keilmuan dalam acuan watan memerlukan perumusan yang bersifat konseptual terhadap sesuatu istilah penting. Rumusan konseptual ini dipasak pula dengan teras atau prinsip yang mengandungi natijah falsafah, teori dan tatakaedah agar istilah yang diangkat itu berdaya menjadi tunjang dalam atur cara menyelidikan sesuatu bidang ilmu. Makalah ini berhasrat untuk membangunkan satu konsep yang sedemikian khusus untuk ilmu linguistik bahasa Melayu. Maka, istilah *reti bahasa* dicadangkan bagi mencapai hasrat ini. Analisis bermula dengan membahaskan *reti bahasa* menurut pemikiran Hassan Ahmad (2016) yang menggunakan istilah *tahu bahasa*. Makna *tahu bahasa* ini dikupas, dan alasan turut diberikan untuk menggantikannya dengan *reti bahasa*. Istilah *reti bahasa* kemudiannya dibahaskan menurut perspektif etimologi, sejarah dan sosiologi bagi menyerlahkan maknanya yang asli. Daripada makna asli ini diterbitkan pula empat teras utamanya, iaitu tatabahasa, tataberbahasa, tatalaku dan tatafikir. Bukti keberadaan keempat-empat teras ini dikaitkan dengan karya oleh para penahu watan yang tidak sekadar memerikan sistem dan struktur linguistik bahasa Melayu, tetapi secara tersirat turut menjelmakan natijah kesempurnaan sistem dan struktur itu kepada pembentukan pertimbangan dan keperibadian penuturnya. Makalah turut membuat penegasan bahawa konsep *reti bahasa* berkemungkinan besar berdaya menjadi bukti kewujudan warisan keilmuan linguistik bahasa Melayu yang asli.

Kata kunci: *Reti bahasa*, Hassan Ahmad, historiografi, bahasa Melayu, falsafah linguistik, falsafah bahasa

Abstract

*Developing an indigenous mold of scientific framework requires a conceptual formulation of an important term. It needs to be anchored in principle encompassing the philosophical, theoretical and methodological implications so that the term produced will become the basis of a research program. This paper aims to develop such a concept that is exclusive in Malay linguistics, which is proposed as *reti bahasa*. The analysis begins by debating *reti bahasa* according to Hassan Ahmad (2016), who uses the term *tahu bahasa*. The meaning of *tahu bahasa* is explained, and the reasons for replacing it with *reti bahasa* are also given. The term *reti bahasa* is then debated according to its etymological, historical and sociological perspectives to highlight its original meaning. Four main principles are coined from its original meaning, namely *tatabahasa*, *tataberbahasa*, *tatalaku* and *tatafikir*. Evidence of the existence of these four principles are subsequently linked to the works written by the indigenous scholars who not only described the linguistic system and structure of Malay linguistics, but also transcended the 'perfection' of the system and structure to 'perfecting' the personality of the speaker. The paper also asserts that the concept of *reti bahasa* is likely to prove the existence of an authentic Malay linguistic tradition.*

Keywords: Reti bahasa, historiography, Malay language, philosophy of linguistic, philosophy of language

PENGENALAN

Makalah ini berhasrat memerihalkan satu sisi pemikiran Hassan Ahmad yang diperkirakan penting demi kelangsungan linguistik bahasa Melayu yang berjati diri. Sisi pemikiran yang pengkaji ingin ketengahkan dalam makalah ini ialah pentafsiran secara ilmiah terhadap makna ungkapan *reti bahasa* yang dihayati oleh Hassan Ahmad (2016), dan kemungkinan natijah yang dikandungi oleh ungkapan ini kepada pembangunan falsafah linguistik dan falsafah bahasa Melayu yang berswaacuan dan yang mandiri. Untuk mencapai hasrat yang dinukilkan, maka perbincangan yang ditampilkan dalam makalah ini dipecahkan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama adalah tentang konsep *reti bahasa*, atau *tahu bahasa* jika menggunakan istilah yang dikemukakan oleh Hassan Ahmad (2016). Bahagian kedua pula memaparkan perbincangan tentang natijah konsep *reti bahasa* terhadap kelahiran falsafah, teori dan tatakaedah linguistik bahasa Melayu beracuan watan. Perincian pembahagian ini adalah seperti yang berikut.

Pertama tentang konsep *reti bahasa*. Sepanjang pengetahuan pengkaji, Hassan Ahmad adalah antara sedikit ilmuwan dan bahasawan yang pernah berbicara tentangnya secara tuntas justeru menatijahkan kemungkinan penerbitan suatu

kerangka konseptual daripadanya. Cuma, seperti yang disinggung dalam perenggan di atas, Hassan Ahmad tidak menggunakan istilah *reti bahasa*. Beliau sebaliknya menggunakan istilah *tahu bahasa*. Akan tetapi, sama ada istilah *reti bahasa* ataupun *tahu bahasa*, pembawaan maknanya tetap serupa, walaupun adalah juga bertingkas sedikit sebanyak dari segi konotasinya (seperti yang akan dibincangkan nanti). Disebabkan perbezaan yang sedikit itulah, maka makalah ini lebih selesa untuk mengangkat istilah *reti bahasa* berbanding dengan istilah *tahu bahasa*.

Keduanya pula tentang natijah penerapan konsep *reti bahasa* terhadap pembangunan linguistik bahasa Melayu yang mandiri serta beracuan watan. Secara umum, perkara yang dibincangkan dalam bahagian ini adalah untuk mengangkat *reti bahasa* sebagai dasar atau kerangka umum kepada falsafah, teori dan tatakaedah linguistik bahasa Melayu. Bagi mencapainya, makalah ini terlebih dahulu membahaskan isu yang menyentuh tentang taraf warisan linguistik bahasa Melayu dalam historiografi linguistik dunia yang seolah-olah dipandang sepi kecuali yang dikaitkan dengan warisan linguistik lain. Makalah ini kemudiannya memaparkan sebab-sebab yang mengabuti kewujudannya selama ini. Seterusnya makalah ini berhujah bahawa untuk mengangkat linguistik bahasa Melayu sebagai suatu warisan keilmuan yang bitara, maka sudah barang tentunya memerlukan suatu kerangka ilmu yang lebih tulen dan asli ciptaan bahasawan watan. Makalah ini menegaskan bahawa hal tersebut hanya mungkin untuk ditampilkan ke hadapan menerusi konsep *reti bahasa*.

MENGAPA HASSAN AHMAD?

Soalnya, mengapakah Hassan Ahmad? Ada apa dengan beliau sehingga patut dibicarakan dalam makalah ini? Sememangnya terdapat daya tarik yang khusus dalam pemikiran Hassan Ahmad yang mewajarkan beliau ditanggapi secara ilmiah. Daya tarik yang dimaksudkan ini tidak terdapat pada bahasawan watan lain kecuali mungkin Za'ba. Sedang kebanyakan bahasawan watan lain lebih tertumpu, bahkan sangat menumpukan, pada pemerian tatabahasa, sama ada secara deskriptif mahupun preskriptif, selain lebih selesa memfokuskan pencarian jawapan terhadap kemisterian strukturnya, baik menurut perspektif sinkronik mahupun diakronik. Hassan Ahmad ternyata tidak berada dalam barisan ini. Kalaupun beliau berdiri sebaris dengan bahasawan watan yang lain itu, beliau hanya sekadar berdiri di pinggir tanpa memasuki barisan. Sekurang-kurangnya ada dua perkara yang menjadikan kedudukan Hassan Ahmad yang tidak sebaris itu.

Pertama ialah kefahaman beliau yang mendalam mengenai hal-hal yang terkait dengan falsafah bahasa Melayu dan falsafah bahasa secara umum. Hal ini sangat

jelas terbayang antaranya termasuklah karya terakhir beliau berjudul *Bahasa dan Pemikiran Melayu* (Hassan, 2016) dan sebuah monograf kecil yang memakai judul *Metafora Melayu* (Hassan, 2003). Dalam kedua-dua karya inilah sangat jelas kelihatan kecenderungan Hassan Ahmad bagi membahaskan isu yang terkait dengan falsafah bahasa Melayu menurut kerangka *tentuisme* linguistik (*linguistic determinism*) dan kerelatifan linguistik (*linguistic relativity*), iaitu salah satu aliran falsafah bahasa besar yang bermaksud mencerap hubungan antara sistem dan struktur bahasa dengan pembentukan pemikiran penuturnya. Walaupun Asmah Haji Omar pernah menerbitkan beberapa karya bernuansa serupa seperti *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*, *The concept of conflict, war and peace in the Malay language*, *Malay perception of time*, tetapi gema perbincangan beliau lebih memberati unsur pemerian struktur bahasa yang menatijahkan kelainan persepsi terhadap kenyataan (*reality*). Sedangkan nuansa perbincangan yang ditampilkan oleh Hassan Ahmad dalam kedua-dua karya beliau itu lebih *menggulati* sisi falsafah *tentuisme* dan kerelatifan linguistik dengan sangat kritis lalu membolehkan beliau melancarkan kritikan tajam terhadap premis utama kerelatifan linguistik bawaan Whorf (Hassan, 2016).

Keduanya ialah aktivisme. Yang kedua ini sangat terserlah dalam ketekalan beliau mengangkat keunggulan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan sebagai bahasa negara yang sewajibnya dipertahankan sebagai satu-satunya wahana yang berdaya mengungkapkan segala macam bidang keilmuan dan segala macam keperluan warga bagi menguruskan tatakelola negara moden dan masyarakatnya. Dalam hal aktivisme ini, beliau adalah yang menjadi kemudi kumpulan pendesak GMP (Gerakan Memansuhkan PPSMI) sehingga kemuncaknya tertumpah ke dalam suatu tunjuk rasa raksasa pada 7 Mac 2009. Kecenderungan aktivisme inilah juga yang meletakkan beliau sebagai “linguis nasionalis” ulung. Menurut Teo Kok Seong (2021), “linguis nasionalis” ialah sosok bahasawan yang berpegang pada citra dan cita-cita unggul yang terpasak pada keinginan utamanya untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai alat pembangunan dan kemajuan negara. Walaupun kerja-buat utama bahasawan ialah meneliti bahasa semata-mata untuk tujuan ilmu, tetapi “linguis nasionalis” memerikan bahasa sebagai bermatlamat serampang dua mata, iaitu untuk tujuan ilmu dan tujuan pendaulatannya.

Sesungguhnya perkara pertama dan kedua saling berkait dengan begitu erat. Yakni, yang pertamalah melahirkan yang kedua. Akan tetapi, agak jarang pula yang kedua menerbitkan yang pertama. Maksudnya ialah kefahaman terhadap falsafah bahasa bukan sekadar beruang dalam akal dan pengkajian yang bersifat akademik semata-mata, tetapi turut diterjemahkan dalam tindakan, sama ada yang menyentuh

kebijakan (khususnya ketika beliau menjadi Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka) mahupun perlawanan (khususnya ketika beliau menjadi Pengerusi Gerakan Memansuhkan PPSMI). Hal ini bersesuaian dengan konsep tindak-tutur (*speech acts*) yang menekankan suatu keyakinan bahawa pengetahuan bahasa dan linguistik perlu menjelma dalam tindakan dan perencanaan kehidupan penuturnya.

Untuk memahami akar yang menambat kedua-dua daya tarik ini, maka makalah ini akan membongkar perkara yang pertama itu dengan lebih terperinci lagi. Hal ini demikian kerana, seperti yang pengkaji nyatakan sebelumnya, yang pertamalah menerbitkan yang kedua, bukan sebaliknya. Yang akan difokuskan dalam perbincangan tentang daya tarik pertama ini adalah berkaitan dengan satu perkara yang dianggap menjadi pengikat utuhnya, iaitu konsep *reti bahasa*, atau *tahu bahasa* menurut istilah yang digunakan oleh Hassan Ahmad (2016) dalam buku beliau berjudul *Bahasa dan Pemikiran Melayu* itu.

HASSAN AHMAD DAN TAHU BAHASA

Apakah yang dibicarakan oleh Hassan Ahmad tentang *tahu bahasa*? Dalam Bab 1 karya beliau itu, Hassan Ahmad memperuntukkan satu tajuk kecil bagi membincangkan gejala yang disebutnya sebagai *kecekapan berkomunikasi*. Gejala ini ditakrifkan oleh beliau sebagai “kebolehan atau kepandaian manusia menggunakan bahasa yang betul *dari segi fungsi sosialnya* dalam masyarakat” (frasa condong ini merupakan yang asal). Ertinya ialah penguasaan dan kepandaian seseorang penutur terhadap bahasanya dinilai berdasarkan kebolehannya menggunakan bahasa mengikut konteks, yakni yang melibatkan keadaan dengan siapa dia bercakap dan di mana situasi percakapan tersebut terjadi. Konsep *kecekapan berkomunikasi* yang dinukilkan oleh Hassan Ahmad ini adalah dengan mengikut pengertian yang diberikan oleh ahli sosiolinguistik terkemuka dunia, Dell Hymes, yang juga menjadi rujukan utama Hassan Ahmad dalam perbincangan beliau.

Akan tetapi, menurut hemat Hassan Ahmad, bahasa Melayu mempunyai istilah yang lebih baik dan terangkum untuk menyatakan konsep *kecekapan berkomunikasi* sepersis Hymes ini. Dikatakan lebih baik kerana bagi beliau nuansa makna yang dikandung istilah berkenaan lebih mendalam berbanding dengan istilah yang diperkenalkan dan ditakrifkan oleh Hymes itu. Istilah yang dimaksudkan oleh Hassan Ahmad ialah *tahu bahasa* serta lawan yang sering menyertai penggunaannya, iaitu *tidak tahu bahasa*.

Terkait dengan perkara ini Hassan Ahmad mentakrifkan orang yang *tahu bahasa* sebagai seseorang yang tidak memiliki kepakaran dalam bidang linguistik, atau dalam apa-apa bidang yang ada hubungan dengan bahasa dan kebahasaan. Dia

juga bukan ahli dalam memerikan sesuatu sistem tatabahasa umpamanya tatabahasa bahasa Melayu. Walaupun tidak memiliki keahlian dalam bidang atau cabang ilmu yang dinyatakan itu, namun dia tetap tahu menggunakan bahasa yang betul dan tepat khususnya dari segi dua fungsi yang dinukilkan oleh Hymes, iaitu fungsi sosial dan fungsi adat.

Segi fungsi sosial menyamai makna yang terkandung dalam istilah *kecekapan berkomunikasi* yang disinggung sebelum ini. *Kecekapan berkomunikasi* ialah suatu fungsi yang merujuk seseorang yang *tahu* menggunakan bahasa sesuai dengan konteksnya. Dalam bahasa lain, sebagai seseorang yang peka konteks ketika menggunakan bahasa, maka dia sangat cekap berbahasa atau kompeten dalam bahasanya. Peka konteks bermaksud, jika dia bercakap dengan seseorang yang lebih tua maka dia *tahu* membahaskan dirinya sebagai “saya” ataupun hanya namanya, serta memanggil lawan bicaranya itu dengan gelaran tertentu menurut taraf yang dimilikinya sebagai maksud penghormatan. Umpamanya, dia menggunakan gelaran yang mematuhi sistem panggilan dalam bahasa Melayu seperti Pak Long, Adik Cu atau Abang jika bercakap dengan orang yang lebih tua dalam percakapan tidak rasmi; walaupun ada pihak yang tidak menggalakkan penggunaan gelaran seperti ini digunakan terhadap seseorang yang tidak mempunyai hubungan darah. Jika situasinya rasmi, maka dia akan menggunakan gelaran encik atau puan sahaja. Selain itu, jika dia sedang menyampaikan syarahan di sebuah dewan kuliah, maklumlah kerjayanya sebagai pensyarah, maka dia tahu memilih laras bahasa yang sesuai dengan keadaan itu yang sudah tentunya menuntut laras rasmi.

Segi fungsi adat pula ternyata lebih menarik ketimbang fungsi sosial. Hal ini demikian kerana segi ini hanya terungkap secara tersirat dalam konsep *kecekapan berkomunikasi* yang diberikan oleh Hymes. Fungsi adat sebaliknya terjelma dan terimplikasi secara jelas dalam huraian Hassan Ahmad tentang *tahu bahasa*. Jadi, apakah yang dimaksudkan oleh beliau dengan segi yang ini?

Secara ringkas, fungsi adat merujuk penggunaan bahasa yang tidak biadab, tidak kurang ajar atau bahasa sarat dengan kata-kata kesat, tabu dan sebagainya lagi yang membawa konotasi negatif selain menyakitkan hati dan perasaan lawan bicara. Ertinya ialah seseorang yang *tahu bahasa* dari segi fungsi ini mengerti bahawa bahasa mengandungi adat dan norma tertentu yang diikat dengan nilai dan pegangan masyarakat penuturnya. Bapa linguistik moden, iaitu Ferdinand de Saussure (1916/1998) pernah menyatakan bahawa bahasa mengandungi *nilai* (*valeur/value*). Ungkapan ini membawa pengertian bahasa sememangnya ditambat pada rangkaian lambang (tanda/*signe/sign*) yang membentuk suatu sistem yang utuh. Lambang ini mendukung objek atau rujukan (petanda) yang ada dalam kenyataan,

lalu membentuk penanda atau idea atau makna yang membentuk *psychological reality* penutur. Tanda-petanda-penanda diikat dengan kemas pada *nilai* yang dihayati oleh masyarakat penuturnya justeru menentukan wawasan yang terkandung pada maknanya.

Maka, idea mengenai nilai ini sememangnya membawa maksud selok-belok lakuan atau penggunaan bahasa yang mematuhi norma dan pegangan masyarakat yang menuturkannya. Umpamanya, jika sesebuah masyarakat menganggap kata-kata seperti *butuh* sebagai biadab dan tabu, maka masyarakat bahasanya tidak boleh menggunakan kata tersebut secara sembarangan. Akan tetapi, terdapat pula masyarakat penutur bahasa yang tidak mempersepsikannya sebagai biadab, maka boleh sahaja digunakan dalam pertuturan sehari-hari tanpa ada sedikit pun rasa canggung.

Selain Saussure, ilmuwan ulung negara, iaitu Syed Muhammad Naquib al-Attas juga ada membincangkan perihal fungsi sosial dan adat bahasa ini. Akan tetapi, perbincangan yang beliau tampilkan adalah secara tidak langsung sahaja yakni di bawah konsep adab terhadap bahasa; lihat antaranya al-Attas (2005). Perkara yang ditumpukan oleh beliau sebenarnya mengenai makna dan kebermaknaan khususnya mengenai pemilihan perkataan yang mengandungi makna yang tepat bagi mengungkapkan hakikat sesuatu benda, kelakuan, sifat dan peristiwa. Namun begitu, adab terhadap bahasa juga mencakupi maksud penggunaan bahasa yang peka dengan konteks.

Sebabnya begini, kepekaan kepada konteks juga menatijahkan pemilihan perkataan untuk dirangkaikan menjadi kalimat supaya setiap perkataan yang dipilih dan setiap ayat yang dibina diletakkan pada tempatnya yang betul. Tempat yang betul ini boleh dilihat dari segi pengisian slot sintaksis, umpamanya slot kata nama diisi oleh kata nama dan slot lainnya, atau slot subjek diisi oleh kelas kata yang membina posisi subjek menurut aturan tipologi bahasa Melayu. Betul dari segi pengisian slot, barulah menerbitkan kalimat yang sempurna. Akan tetapi, sempurna dari segi struktur tidak bererti tepat dari segi makna. Ayat *saya makan nasi* boleh sahaja diubah menjadi *nasi makan saya*. Ayat ini strukturnya betul tetapi maknanya sumbang dengan kenyataan dunia kerana tidak mungkin *nasi* boleh *memakan saya*.

Kebalikan daripada *tahu bahasa* ialah *tidak tahu bahasa*. Menurut Hassan Ahmad (2016:6), orang yang tidak tahu bahasa ialah "...orang yang tidak tahu adat bahasa." Beliau mengambil contoh salah satu peristiwa dalam *Hikayat Hang Tuah* bagi menonjolkan makna *tidak tahu bahasa* ini. Babak yang dijadikan contoh ialah peristiwa yang memerihalkan ibu bapanya ingin menyerahkan Hang Tuah kepada bendahara dengan titipan pesan bahawa anak mereka "tidak tahu bahasa." Menurut

pembacaan Hassan Ahmad, ungkapan ini membawa maksud “tidak mengetahui adat resam, budaya perilaku baik.”

Tegas Hassan Ahmad (2016:6), seseorang yang tidak tahu bahasa barangkali dia boleh sahaja mengujarkan bahasa yang betul dari segi jalan tatabahasa, tetapi “... salah dari segi adat berbahasa.” Salah adat berbahasa di sini merujuk penggunaan bahasa yang semberono atau pukul rata. Dalam bahasa lain, dia tidak peka konteks. Umpamanya, seseorang menggunakan kata ganti nama diri orang pertama “aku” kepada semua lawan bicara termasuk ibu bapa sendiri dan orang yang lebih tua (walaupun ada sesetengah suku yang menggunakan kata ganti nama ini ketika bercakap dengan ibu dan bapa). Ataupun seseorang yang dipengaruhi oleh sistem bahasa Inggeris, lalu menggunakan ungkapan *I* dan *you* ketika bercakap dengan ibu bapa. Penggunaan seperti ini memang betul struktur tatabahasa, tetapi salah dari segi adat dan kelaziman budaya Melayu atau mana-mana bahasa yang sangat memberatkan sistem honorifik seperti bahasa Jepun dan bahasa Korea.

TENTUISME LINGUISTIK DAN KENISBIAN LINGUISTIK

Yang menjadi persoalannya, bagaimanakah idea mengenai *tahu/tidak tahu bahasa* ini muncul dalam pemikiran Hassan Ahmad? Persoalan ini menarik untuk ditinjau memandangkan hal ini menjadi salah satu tujahan penting dalam historiografi linguistik.

Terkait dengan persoalan ini, fakta yang harus diakui ialah Hassan Ahmad tidak membicarakannya dengan jelas. Maksudnya ialah beliau tidak menyatakan sumber yang mengilhamkannya untuk membicarakan konsep *tahu/tidak tahu bahasa* ini, melainkan sekadar mengembalikan punca ilham yang memunculkan idea tersebut kepada ungkapan terkenal seperti “bahasa jiwa bangsa.” Menurut Hassan Ahmad (2016:4), maksud “bahasa jiwa bangsa” secara jelas menyatakan tentang “jiwa atau fikiran, perasaan dan emosi Melayu dibentuk oleh satu ragam bahasa, iaitu bahasa “Melayu kebangsaan” yang merentas segala sempadan dan perbezaan dialek daerah dan sosial.”

Ertinya ialah *tahu/tidak tahu bahasa* yang sarat dengan fungsi sosial dan fungsi adat berbahasa sebenarnya dibentuk berdasarkan pematuhan terhadap peraturan tatabahasa dan tataberbahasa bahasa “Melayu kebangsaan,” atau bahasa yang piawai/standard yang digunakan oleh seluruh jiwa Melayu dan jiwa yang menganut kebudayaan Melayu; dan ini termasuk juga jiwa yang mematuhi peraturan hukum tertinggi negara-negara yang mengakui bahasa Melayu sebagai bahasa pemersatu dan bahasa negara walaupun jiwa itu bukan lahir daripada alur fitrahnya yang ternurani; serta termasuk juga bahasa dan dialek yang mempunyai hubungan yang

akrab dengan bahasa Melayu khususnya dari segi sejarah dan dari segi tipologi linguistiknya.

Huraian ini menegaskan bahawa *tahu/tidak tahu bahasa* terbit daripada jiwa penutur bahasa Melayu yang dibentuk oleh sistem bahasanya seperti yang ditegaskan oleh wawasan *tentuisme* linguistik serta fahaman yang kurang sedikit ekstremnya, iaitu kenisbian atau kerelatifan linguistik (Baghramian & Carter, 2022). Seperti yang dibincangkan oleh Hassan Ahmad (2016), kedua-dua wawasan ini sememangnya mendakwa bahawa bahasa manusia merupakan acuan yang membentuk kesedaran jiwa dan jalan pemikiran penuturnya. Dalam perkataan lain, bahasa menjadi cermin yang membolehkan manusia melihat dan mencerap dunia. Oleh itu, tanpa bahasa, maka manusia berada dalam kegelitaan yang gelap *gelemek*. Dari sanalah yakni daripada bahasalah jiwa dan pemikiran manusia yang bernaung di bawah payung kemelayuan umpamanya yang bertutur dalam bahasa Melayu secara natif terbentuk, dan dengan jiwa serta jalan pemikiran itulah dia mendiami dan memahami dunia.

Maka, *tahu/tidak tahu bahasa* sebenarnya bukan sekadar menyentuh tentang kecekapan linguistik dan pragmatik, yakni dalam pengertian kecekapan berbahasa yang mematuhi peraturan tatabahasa dan peraturan tataberbahasa, tetapi berkait erat dengan kelakuan atau perilaku penuturnya. Kaitan yang terakhir ini malangnya tidak dibincangkan oleh Hassan Ahmad dalam buku yang berkali-kali dirujuk di sini mahupun dalam hasil karya beliau yang lain. Hal ini demikian kerana beliau sekadar membicarakan *tahu/tidak tahu bahasa* dari segi maknanya yang terkait dengan fungsi sosial dan fungsi adat. Mungkin kaitan ini ada terungkap secara implisit khususnya yang melibatkan segi fungsi adat, tetapi beliau tidak melanjutkan perbincangan mengenainya dengan lebih terperinci dan eksplisit.

Makalah ini berpendapat, kaitan *tahu/tidak tahu bahasa* dengan kelakuan atau perilaku penutur sangat penting. Mohd Tarmizi (2017, 2020a) pernah membincangkan isu hubungan bahasa dengan akhlak. Beliau meneroka satu soalan yang dirasakan penting, iaitu adakah bahasa yang dituturkan oleh manusia mempengaruhi akhlak penuturnya? Soalan ini dibangkitkan hasil daripada renungan terhadap pantun “yang kurik itu kundi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa.” Dua baris terakhir pantun ini sememangnya mengandungi maksud yang menegaskan adanya hubungan akrab antara bahasa dengan akhlak. Daripadanya ditarik suatu kesendengan bahawa bahasa memang berdaya mempengaruhi kelakuan, perilaku dan akhlak penuturnya. Kesendengan sebegini tidaklah aneh sebenarnya. Pentafsiran terhadap karya nahu Raja Ali Haji sememangnya menatijahkan suatu pengertian bahawa pemerian sistem linguistik bahasa Melayu berhujung pada maksud memolekkan akhlak penuturnya (Mohd Tarmizi, 2020b).

Mohd Tarmizi (2022) turut melakukan refleksi terhadap ungkapan menggugah yang dinukilkan Steiner (2011), iaitu sesempurna mana sekalipun pematuhan manusia terhadap peraturan tatabahasa dan tataberbahasa sesuatu bahasa yang tertentu belumlah bererti kelakuan, perilaku dan akhlak penuturnya baik, elok dan senonoh. Bagi membuktikan pernyataan beliau ini Steiner kerap menjadikan Adolf Hitler dan para pendukungnya termasuk para soldadu *Schutzstaffel* (SS) sebagai contoh. Mereka semua ini, menurut Steiner, membaca Goethe, Schiller, Rilke dan Nietzsche, selain mendengar alunan muzik Beethoven, Mozart, Schubert dan Liszt pada sebelah pagi, tetapi menghumban ribuan manusia ke dalam kem konsentrasi pada sebelah petangnya sama ada di kem Auschwitz mahupun Treblinka. Daripada pendapat inilah ditarik kesendengan yang bertentangan dengan kesendengan pertama, yakni bahasa yang dituturkan oleh manusia tidak ada kena-mengena dengan pembentukan perilaku dan akhlak penuturnya. Akan tetapi, benarkah demikian? Makalah ini berpendirian bahawa walaupun bahasa tidak pernah menyatakan sebarang bantahan terhadap penggunaannya sama ada untuk berbohong, memaki, mengutuk, mengumpat dan segala macam lakuan bahasa yang tidak senonoh, namun sedikit sebanyak unsur struktural bahasa umpamanya pematuhan susun atur pembinaan ayat dan ketepatan makna berdaya menatijahkan pemolekan akhlak dan pemikiran penuturnya.

TAHU BAHASA SEBAGAI RETI BAHASA

Maka, hubungan bahasa dengan akhlak sepatutnya diangkat dalam perbincangan bagi merumuskan konsep *tahu/tidak tahu bahasa* justeru berdaya menjadi suatu kerangka umum bagi amalan penggunaan bahasa Melayu. Malangnya, sekali lagi hal ini tidak berlaku demikian. Natijahnya menjadikan perbincangan mengenai konsep ini terasa seperti kurang lengkap. Jadi, makalah ini bermaksud menambah baik pengertian *tahu/tidak tahu bahasa* yang dikemukakan oleh Hassan Ahmad itu dengan menambah unsur hubungan bahasa dengan pembentukan akhlak dan pemikiran penuturnya. Akan tetapi, perlu ditegaskan sekali lagi bahawa makalah ini tidak menggunakan istilah *tahu/tidak tahu bahasa*, tetapi istilah *reti/tak reti bahasa*.

Alasan untuk menggunakan istilah ini cukup mudah dan bersahaja, iaitu dengan melihat kewujudannya dalam pertuturan seharian masyarakat pengguna bahasa dan dialek Melayu. Umpamanya, dalam dialek Melayu Ulu Pahang (yang dituturkan di sepanjang lembangan Sungai Jelai), sering kedengaran ungkapan *reti/tak reti bahasa* khususnya apabila seseorang itu sedang berada dalam keadaan marah dan kurang senang terhadap kelakuan seseorang yang lain. Antara contohnya adalah seperti yang berikut (dengan menggunakan ortografi piawai):

- (a) kamu reti bahasa atau tidak? [aʔ ʏəti basə kə tidəʔ]
- (b) cuba reti bahasalah sikit! [ʏəti basə sikeʔ la]
- (c) budak ini memang tidak reti bahasa. [budəʔ ni mema taʔ ʏəti basə bətə]

Ketiga-tiga ujaran ini menyerlahkan makna *reti bahasa* yang bukan sekadar mengandungi pengetahuan bahasa menurut fungsi sosial dan adat seperti yang dikemukakan oleh Hassan Ahmad, tetapi turut membawa maksud fungsi akhlak dan fungsi pemikiran. Yakni, yang dipersoalkan terhadap seseorang yang digelar sebagai *reti/tak reti bahasa* bukan sekadar tahap kefahaman bahasanya, malah termasuk juga tingkah lakunya selain kelemahan berfikir bagi membuat sebarang pertimbangan. Maka, maksud *reti/tak reti bahasa* di sini merujuk kepada pengetahuan bahasa yang betul dari segi fungsi sosial, fungsi adat, fungsi akhlak dan fungsi pemikiran. Fungsi sosial di sini masih lagi tercakup dalam makna penggunaan bahasa yang peka konteks seperti yang terkandung dalam konsep *tahu/tak tahu bahasa* Hassan Ahmad. Begitu juga dengan fungsi adat, masih berlegar dalam ruang makna kesantunan dan kesopanan berbahasa hasil nukilan beliau. Yang berbeza ialah fungsi akhlak. Hal ini demikian kerana fungsi akhlak terbangun daripada premis yang menyatakan adanya hubungan kesempurnaan bahasa dengan kemolekan akhlak. Fungsi pemikiran pula merujuk perumusan peraturan tatabahasa dan amalan tataberbahasa berdaya meluruskan pemikiran para penuturnya.

Untuk memahami pengertian ini dengan lebih terperinci, karya cemerlang Maier (2004) yang berjudul *We Are Playing Relatives* mampu memberikan sedikit pedoman. Dalam bahagian pengenalan karya ini Maier memperuntukkan satu tajuk kecil bagi membincangkan perihal makna dan konsep *bahasa* menurut acuan kebudayaan Melayu. Menurut Maier (2004), pengertian *bahasa* dalam kebudayaan Melayu bukanlah seperti yang difahami oleh aliran linguistik moden, yang semata-mata memahaminya sebagai merujuk struktur tatabahasa dan penjelmaannya dalam amalan tataberbahasa semata-mata. Pemahaman seperti ini secara salah ditanam oleh ilmuwan kolonial seperti Charles Adriaan van Ophuijsen menerusi konsep *spaakkunst* mahupun konsep *grammar* yang diperkasakan penggunaannya terhadap bahasa Melayu di Malaya oleh para pegawai British. Dalam huraian Maier (2004), pengertian *bahasa* sebaliknya lebih luas dan menyeluruh daripada sekadar peraturan tatabahasa piawai. Hal ini demikian kerana makna *bahasa* sebenarnya turut mengandungi hal-hal yang ada hubungan dengan kebudayaan, adab dan adat, serta kelakuan penuturnya. Marsden (1812/1984:57) mentakrifkan بهاس (bahasa) atau *bhāṣā* (भाषा) sebagai *behavior* dan *manners*. Begitu juga dengan Gonda dalam *Sanskrit in Indonesia* yang menjelaskan bahawa "...Skt. *bhāṣā* भाषा 'speech, language' is not only used for 'speech, language' ...in Malay, but also means 'speech

as indicating breeding' and often just 'breeding, manners, etc., and... 'observance of customary ceremonial, etiquette''(Gonda, 1973:537-540).

Kupasan Maier ini menimbulkan persoalan, yakni jikalau demikianlah cakupan ruang makna *bahasa* menurut pengertian yang tertanam dalam kebudayaan Melayu, maka tujuan dan cara-kerja linguistik bahasa Melayu seharusnya berlainan daripada acuan yang terkandung dalam linguistik moden. Sebabnya, tujuan dan cara-kerja linguistik bahasa Melayu mestilah, pertamanya berhujung pada fungsi bahasa dari segi sosial dan adat seperti yang dinyatakan oleh Hassan Ahmad, dan keduanya mesti turut mengambil kira fungsi yang lebih penting, iaitu fungsi akhlak dan fungsi pemikiran.

RETI BAHASA DALAM HISTORIOGRAFI LINGUISTIK BAHASA MELAYU

Untuk tiba pada tujuan yang dinyatakan itu, seelok-eloknya perlu ditoleh kepada sejarah. Matlamatnya tiada lain daripada untuk mencari dan menjejak kalau-kalau ada karya yang telah pun memenuhinya. Akan tetapi, ada pertanyaan yang wajar dinukilkan sebagai pemula tolean, yakni adakah ilmu linguistik bahasa Melayu yang beracuan sendiri atau beracuan watan? Inilah pertanyaan asas yang pernah diajukan oleh Mohd Tarmizi (2014). Kemudian dilontarkan pula pertanyaan lain tetapi berkait erat dengan pertanyaan yang awal itu, iaitu adakah falsafah bahasa Melayu? (Mohd Tarmizi, 2019a, 2022). Akan tetapi, sehingga kini pun jawapan terhadapnya masih diselubungi kegelitaan, atau kalau tidak pun jawaban yang ada hanya berbentuk semata-mata paksaan dan andaian (Mohd Tarmizi, 2019a).

Keadaan seperti ini terjadi bukan sahaja disebabkan oleh bahana faham *sejagatisme (universalism)* dalam linguistik yang mengambil tempatnya dengan kukuh selepas tahun 1900, khususnya selepas *Cours de linguistique generale* diterbitkan pada 1916; atau selepas perang dunia kedua, yakni dengan keberadaan kurikulum linguistik moden yang berakar terutamanya pada *Cours de linguistique generale* itu, serta *Language* (karya Leonard Bloomfield yang terbit pada 1933), selain tentunya *Syntactic Structures* mahupun *Aspect of the Theory of Syntax* (keduanya dikarang oleh Chomsky pada 1957 dan 1963), termasuk juga karya penting linguistik yang lain, sama ada yang dikarang oleh Wilhelm Humboldt, Hermann Paul, Zellig Harris, Louis Hjelmslev atau Joseph Greenberg, mahupun karya lain yang terbit setelah *Aspect* Chomsky itu.

Selain bahana sejagatisme yang dinyatakan ini, antara sebab lain yang juga tersangat nyata untuk menatijahkan kegersangan pewujudan linguistik bahasa Melayu yang mandiri ialah ketiadaan usaha yang teliti dan terperinci lagi sistematik

yang bergerak ke arah pembongkaran jawapan terhadap pertanyaan tersebut. Sebabnya ialah karya historiografi bahasa dan persuratan Melayu khususnya, ataupun karya yang membicarakan sejarah bahasa Melayu secara umumnya, yang sedia ada setakat ini lazimnya lebih bertumpu pada pemaparan dan perbincangan yang berkait dengan kejadian dan perkembangan sesuatu peristiwa dan fakta sejarah; lihat karya yang mempunyai nuansa begini, antara lainnya oleh Teeuw (1959, 1961), Collins (2016, 2018), Karim (2006, 2017) dan Nik Safiah (2010).

Maka, karya tersebut hanya membicarakan tokoh tertentu dan sumbangan mereka terhadap bahasa dan linguistik termasuk persuratan Melayu. Hal ini mencakupilah sama ada tokoh yang dibicarakan itu merupakan tokoh watan mahupun tokoh luar negeri. Hanya sekadar itu, tanpa diikuti oleh pertanyaan lanjut, yakni suatu pertanyaan yang mengerahkan daya pemerhatian kepada pembongkaran mengenai aspek ketulenan ilmu yang dibangunkan oleh tokoh-tokoh berkenaan dalam usaha memastikan linguistik bahasa Melayu berbeza dengan linguistik daripada tradisi lain sama ada dari segi falsafah, teori mahupun tatakaedah.

Pertanyaan yang ditimbulkan ini sangat penting terutamanya jika dikenakan pada kemahuan untuk melihat linguistik bahasa Melayu dengan kelihan yang “tidak biasa”, jikalau meminjam istilah Shahrir (2010a) yang membandingkan sains “biasa-biasa” dengan sains yang “tidak biasa” yang terilham daripada Thomas Kuhn. Dengan kelihan yang dipasakkan pada lahan sains yang “tidak biasa”, maksudnya ialah suatu kelihan yang meletakkan kebudayaan sendiri sebagai acuan kepada penerbitan ilmu dan sains bahasa Melayu (Mohd Tarmizi, 2023).

Persoalannya ialah mengapakah karya historiografi linguistik Melayu gagal tiba pada pertanyaan seperti yang dibangkitkan ini? Mohd Tarmizi (2014, 2019a) mengemukakan sekurang-kurangnya dua hal yang boleh dipertimbangkan.

Pertama, karya berkenaan hanya memilih tokoh-tokoh yang sekadar menulis tentang bahasa Melayu secara khusus seperti yang tertera pada judul karangan mereka. Oleh sebab itu, karya historiografi bahasa Melayu hanya menelaah tokoh dan naskhah yang judulnya secara jelas menyatakan kandungannya adalah tentang bahasa. Kedua, metodologi yang diterapkan dalam karya historiografi berkenaan hanya berkisar pada konsep kesinambungan dan iklim idea (Koerner, 1978, 1989) tanpa melibatkan pertimbangan yang lebih kritis khususnya dengan mengambil kira peranan pandangan alam untuk membingkai pelahiran warisan keilmuan. Sebenarnya penerapan ini bukanlah menjadi masalah jikalau perspektif pengkaji tidak dipengaruhi oleh ideologi dan fahaman linguistik tertentu, sebaliknya menerapkannya tanpa dibelenggu batas zaman, ideologi dan pemikiran. Yang menjadi masalah ialah apabila tatakaedah yang diterapkan dipengaruhi oleh hal-hal

yang dinyatakan itu. Sememangnya pengaruh begini tidaklah sangat menghairankan khususnya jika kita membaca Kuhn (1995) yang menegaskan mengenai kewibawaan sesuatu pegangan ilmu yang lazim terjadi secara ijmak dalam kalangan sarjana bersandarkan pada ideologi atau isme tertentu.

Kesinambungan dan iklim idea yang dipengaruhi oleh batas zaman umpamanya melihat linguistik bahasa Melayu moden hanya bermula setelah Za'ba menerbitkan *Pelita Bahasa Melayu*. Atau, yang lebih anehnya, apabila ada yang mencerap bahawa kemodenan linguistik bahasa Melayu hanya mengambil tempat setelah Universiti Malaya memperkenalkan kursus linguistik berteraskan kerangka linguistik moden daripada Barat. Atau, yang lebih parah lagi ialah tanggapan yang melihat linguistik bahasa Melayu hanya mencapai kemodenan selepas penerbitan *Tatabahasa Dewan* atau *Nahu Melayu Mutakhir* kerana falsafah dan teori di sebalik kedua-dua karya ini sangat canggih dan terkini sewaktu penerbitannya pada 1980-an dahulu.

Pengaruh ideologi dan pemikiran pula umpamanya beranggapan bahawa linguistik bahasa Melayu mencapai taraf kemodenan apabila dalam korpusnya muncul istilah seperti struktur (*structure*), sistem (*system*) dan transformasi (*transformation*). Maksudnya, pemakaian istilah ini dalam sebarang kajian dan pemerian kebahasaan menunjukkan linguistik bahasa Melayu telah mula diserapi oleh fahaman seperti strukturalisme (*ala* Saussurean, Bloomfieldan dan lain-lain) dan generatifisme (*ala* Chomskyan); bagaimanapun pengaruh tipologisme-strukturalisme-universalisme *ala* Greenbergian tidak begitu menyerlah di rantau ini barangkali disebabkan betapa berleluasanya pengaruh kedua-dua fahaman yang dinyatakan sebelumnya. Maklumlah ramai kalangan bahasawan negara ini yang belajar ke luar negeri, dan apabila pulang ke Malaysia mereka lantas mendendangkan irama isme yang dinyatakan tadi. Dalam bahasa lain, linguistik Melayu mula memasuki era moden setelah pengkajian bahasa Melayu mula berjinak-jinak dengan istilah strukturalisme dan generatifisme. Sesungguhnya, teramatlah mudah untuk mendapat gelaran moden, yakni ambil sahaja istilah baharu dan canggih yang diperkenalkan dalam linguistik semasa, dan serapkan dalam bidang linguistik yang sedia ada, maka modenlah bidang tersebut.

Persoalannya, adakah benar demikian? Bagaimanakah dengan Raja Ali Haji yang telah menulis dua kitab nahu bahasa Melayu pada abad ke-19, iaitu *Bustan al-Katibin* dan *Kitab Pengetahuan Bahasa*? Adakah nahu yang dibangunkan oleh Raja Ali Haji dalam kedua-dua kitab tersebut yang sarat dengan nomenklatur Arab selain penerapan tatakaedah leksikografi yang aneh terhadap bahasa Melayu tidak menjadikan linguistik bahasa Melayu mencapai tahap moden seperti yang dilecehkan oleh Teeuw (1961) umpamanya? Begitu juga dengan kitab *Petuturan Melayu* yang dikarang oleh Abdullah Abdul Rahman, *Jalan Basa Melayu* oleh

Mohd. Said Haji Sulaiman, dan *Lidah Melayu* oleh Ahmad Ya'akub al-Johori, adakah pemerian semua kitab nahu ini juga tidak tercakup dalam linguistik moden? Bagaimanakah pula kedudukan *Pelita Bahasa Melayu*, karya agung Za'ba itu, dalam mandala historiografi linguistik? Wajarkah semua karya nahu ini hanya dianggap sebagai hasil nahu yang berparadigma klasik dan tradisional, dan kalau tidak pun, kuno? Sudah barang tentunya tidak. Masalahnya, mengapakah fakta yang ada menunjukkan keadaan yang sebaliknya, yakni terdapat semacam pertimbangan ijmak untuk menerimanya sebagai hasil pemerian nahu seperti yang ada dalam Teeuw (1961) ketika mengulas kedua-dua karya Raja Ali Haji itu.

Maka, hal ini membawa kepada persoalan yang lebih asas, yakni apakah ukuran kemodenan dalam linguistik bahasa Melayu? Jika diperhatikan pada karya historiografi linguistik bahasa Melayu, didapati bahawa yang dimaksudkan dengan moden tentunya merujuk falsafah, paradigma, teori, pendekatan dan tatakaedah yang asasnya terpasak kemas pada istilah-istilah yang disebutkan di atas tadi, yakni struktur, sistem, transformasi, generatif dan lain-lain. Maka, konsep moden/kemodenan memerlukan penyahbinaan (dekonstruksi) kembali agar bagasi maknanya lebih mesra kepada yang *bijagat* (*juz' i/particular*) dan tidak hanya yang sejagat (*kulli/universal*). Maksud *bijagat* di sini ialah penerbitan ilmu yang lebih mesra kepada sistem nilai, pandangan dunia dan kebudayaan tertentu walaupun ilmu tersebut bersifat pinggir dan primitif sekalipun. Soalnya, bagaimanakah meluruskan keherotan sudut pandang yang berakar kini?

Semua karya yang dinyatakan di atas itu tadi sememangnya secara jelas mengandungi judul yang berhubungan terus dengan bahasa dan tatabahasa Melayu. Akan tetapi, bagaimanakah pula dengan karya yang mempunyai judul yang tidak berkaitan dengan bahasa dan tatabahasa Melayu? Kewujudan karya sebegini tentunya lebih merumitkan. Hal ini demikian kerana penilaian terhadapnya mestilah melibatkan pembacaan daripada kulit ke kulit. Setelah itu, barulah kandungannya dapat dikenal pasti dengan lebih tepat. Disebabkan judulnya tidak mempunyai kaitan dengan bahasa dan tatabahasa Melayu, maka ramai tokoh penting pun terabai dalam karya historiografi linguistik bahasa Melayu. Sheikh Ahmad al-Fathani merupakan salah seorang daripadanya (Wan Mohd Saghir, 2005; Mohd Tarmizi, 2019b). Dalam konteks inilah terletaknya masalah tatakaedah yang dimaksudkan sebelum ini. Yang peliknya, masalah ini tidak berlaku terhadap karya-karya yang dihasilkan oleh para pengkaji Eropah. Lihat sahaja deretan kajian Collins (1992, 1995, 2004) yang menjadikan karya yang langsung tidak menyentuh aspek kebahasaan sebagai lombong data linguistik yang berharga termasuk terjemahan Injil ke dalam bahasa Melayu.

Ternyata segala masalah dan keherotan yang disebutkan di sini terkait dengan ketiadaan suatu model yang berdaya menangani segala permasalahan dalam warisan linguistik bahasa Melayu yang sedia ada secara adil. Jikalau linguistik bahasa Melayu mempunyai model yang khusus yang dibangunkan atas lahan kebudayaan sendiri, dengan kata lain beracuan sendiri, maka sudah barang tentunya model berkenaan berdaya menangani masalah yang dibangkitkan. Hal ini tentunya bukan sekadar berdaya menangani masalah dan keherotan historiografi linguistik bahasa Melayu, tetapi model berkenaan turut mempunyai potensi untuk menerbitkan linguistik bahasa Melayu beracuan sendiri yang mesra dengan fungsi bahasa dari segi adat, sosial, akhlak dan pemikiran. Dengan kewujudan model yang seperti yang dibayangkan ini, potensi kemampuannya bukan sahaja dihalakan bagi menambah baik hal-hal yang dinyatakan di atas, tetapi turut menyumbang kepada pewujudan kesedaran dalam kalangan masyarakat awam mengenai hubungan bahasa dengan budaya dan ilmu seperti yang pernah ditegaskan dengan bitaranya oleh Shahrir (2014a). Kesedaran yang seperti ini pasti memberi impak kepada pembentukan dasar kebahasaan dan kebudayaan negara, selain turut meluruskan perspektif rakyat Malaysia mengenai hal-hal kebahasaan seperti tulisan Jawi serta kepentingan bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain untuk kekal bersama ke arah pembentukan Bangsa Malaysia yang bersatu padu. Maka, model yang perlu dibangunkan mestilah terkandung falsafah, teori dan tatakaedah yang berdaya mengibarkan panji linguistik bahasa Melayu beracuan sendiri ke arah mengukuhkan asas pendidikan kebahasaan di Malaysia. Model yang dimaksudkan ini mestilah digelar sebagai *reti bahasa* berteraskan takrifnya yang diberikan sebelum ini.

Akan tetapi, mengapakah model yang akan dibina ini diberi gelar sebagai *reti bahasa*? Ada dua sebab *reti bahasa* menjadi gelarnya. Pertama, dalam Kebudayaan Melayu atau Malayonesia terdapat ungkapan *reti/tak reti bahasa* yang digunakan dalam pertuturan seharian seperti yang dinyatakan sebelum ini. Ungkapan tersebut lazimnya digunakan dalam konteks bagi merujuk seseorang yang tidak tahu adab dan tidak tahu berbahasa dengan baik. Maksudnya, *reti/tak reti bahasa* adalah berkait dengan penggunaan bahasa dan kemolekan akhlak sekali gus. Kedua, berpangkal pada huraian Maeir (2004) yang dirujuk sebelum ini mengenai pengertian *bahasa* dalam Kebudayaan Melayu yang tidak hanya mengenai tatabahasa tetapi turut melibatkan aspek tataberbahasa dan perilaku yang beradab serta pemikiran yang lurus. Dua sebab yang dinyatakan ini jelas menunjukkan bahawa *bahasa* mencakupi penguasaan bahasa, adab dan pemikiran yang lurus. Semua ini mestilah menjadi tujuhan ilmu linguistik bahasa Melayu beracuan watan yang bakal dibangunkan nanti di bawah payung *reti bahasa*.

Barangkali contoh yang lebih konkrit perlu dipaparkan. Maka, makalah ini akan menoleh semula kepada Raja Ali Haji dengan agak rinci. Semua sedia maklum bahawa menerusi dua buah karya berjudul *Bustan al-Katibin* dan *Kitab Pengetahuan Bahasa*, Raja Ali Haji dinobatkan sebagai ahli bahasa watan terawal yang merumuskan peraturan tatabahasa Melayu mencakupi struktur kalimat dan kosa kata. Menerusi *Bustan*, Raja Ali Haji membina struktur tatabahasa bahasa Melayu; dalam *Kitab* pula, yang diketengahkan ialah struktur kosa kata bahasa Melayu yang disusun berdasarkan sistem akar kata. Asas pembinaan struktur kalimat dan kosa kata ialah bahasa Arab yang dibuat atas dua sebab utama, iaitu (i) sebagai bahasa yang menayangkan pandangan alam Islam dan (ii) kekayaan warisan keilmuan, dengan sebab pertama itulah yang diberi penekanan sesungguhnya. Tujuan Raja Ali Haji mengarang karya tatabahasa dan kamusnya adalah untuk memastikan penutur bahasa Melayu dapat menggunakan bahasa ini dengan baik dan sempurna dari segi tatabahasa dan tepat pula pemilihan kosa katanya. Raja Ali Haji berpendirian bahawa kesempurnaan bahasa berdaya memolekkan akhlak penuturnya. Jadi, untuk memolekkan akhlak, kita perlu terlebih dahulu memolekkan bahasanya. Hal ini lebih-lebih lagilah jikalau bahasa itu dirantaikan pula dengan bahasa yang lebih sempurna dan kaya dari segi menayangkan pandangan alam seperti bahasa Arab.

Selain Raja Ali Haji, kita juga patut menoleh kepada Za'ba menerusi *Pelita Bahasa Melayu*. Sebabnya, dalam karya ini Za'ba berusaha dengan gigih menyediakan lapangan khas bagi mengislahkan pemikiran penutur bahasa Melayu. Sememangnya semua sedia maklum bahawa fikrah Za'ba terpasak kemas pada ideologi Kaum Muda yang reformis (Adnan, 2009). Matlamat perjuangan Kaum Muda dan Za'ba adalah untuk mengubah paradigma berfikir bangsa Melayu. Jika Kaum Muda menggunakan agama sebagai penggerak islah, Za'ba menjengah lapangan bahasa yang menduduki tingkatan kedua dalam pengelasan ilmu Za'ba (Adnan, 2009: 113). Pemilihan Za'ba ini sangat menarik kerana beliau mengerti bahawa bahasa bukan sekadar wahana percakapan dan penyaluran pemikiran, tetapi pembentuk dan pelurus pemikiran manusia. Maka, untuk membentuk pemikiran yang lurus justeru menjelmakan pengislahan di dalamnya, pangkalnya ialah penggunaan bahasa yang sempurna dari segi peraturan tatabahasanya. Inilah yang dihasratkan Za'ba menerusi *Pelita Bahasa Melayu* sesuai dengan penilaian al-Attas (1976) bahawa buku ini merupakan pelita yang menerangi kegelapan pemikiran umat.

Hal inilah yang sepatutnya menjadi titik akhir kerja-buat linguistik bahasa Melayu, iaitu dengan menekankan unsur tatabahasa, amalan tataberbahasa, kemolekan akhlak dan kelurusan pemikiran penuturnya secara sekali gus.

KERANGKA FALSAFAH LINGUISTIK BAHASA MELAYU

Isunya, bagaimanakah menjelmakan konsep *reti bahasa* dengan lebih tuntas? Pertanyaan ini pernah dikupas dalam satu wacana lain. Pada 11 November 2022 pengkaji telah diundang oleh *Toko Buku Pujangga Baru* untuk berbicara tentang sebarang isu yang berkaitan dengan falsafah bahasa Melayu. Maka, dicadangkanlah satu tajuk khusus kepada penganjur. Tajuk yang dimaksudkan sememangnya menjadi tumpuan penyelidikan pengkaji sejak dua tiga tahun kebelakangan ini. Fokusnya adalah untuk membangunkan suatu konsep yang membawa nuansa falsafah. Konsep itu ialah *reti Bahasa*. Maka, serupalah dengan yang dibincangkan dalam makalah ini.

Dalam acara itu ditegaskan bahawa pengertian mengenai falsafah bahasa Melayu dan falsafah linguistik bahasa Melayu harus bermula dengan keupayaan mempersoalkan terlebih dahulu status kewujudan warisan linguistik bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana kewujudan sesuatu warisan keilmuanlah yang memungkinkan adanya pembicaraan, pembangunan dan penerbitan unsur ilmu yang lebih asasi dan lebih teras sifatnya seperti falsafah. Maka, serupa itu jugalah dengan warisan linguistik bahasa Melayu. Oleh itu, jika wujudlah warisan keilmuan yang dimaksudkan ini, maka sudah pastilah terdapat ilmu falsafah bahasa dan falsafah linguistik yang menjadi terasnya. Akan tetapi, perlu juga diakui akan suatu fakta yang jelas menunjukkan bahawa historiografi bahasa dan linguistik dunia yang sedia ada pada masa ini gagal menyerlahkan kemungkinan kewujudannya. Kegagalan ini bermuara atas dua isu utama.

Isu pertamanya ialah telah berlaku pengabaian terhadap warisan keilmuan linguistik bahasa Melayu yang asli, kecuali warisan yang terbentuk dan terbit daripada pengaruh warisan linguistik Arab dan warisan linguistik Eropah. Pengabaian ini mengundang pelahiran persepsi yang menegaskan suatu keadaan genting bahawa yang dikatakan sebagai warisan linguistik bahasa Melayu itu sebenarnya tiada lain daripada saduran atau serapan langsung warisan linguistik Arab dan warisan linguistik Eropah. Dalam perkataan lain, tidak ada pun warisan linguistik bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana segala perkaedahan dan amalan pemerian bahasa Melayu yang dikerjakan selama ini adalah berpunca daripada warisan linguistik lain yang akhirnya diserap dan disadur bagi membolehkan pelahiran warisan linguistik watan.

Kesan persepsi yang timbul ini begitu mendasar, dan sangat jelas kelihatan dalam beberapa karya historiografi linguistik dunia yang berwibawa. Umpamanya, keberadaan warisan linguistik bahasa Melayu tidak langsung disinggung dengan rinci melainkan sekadar sentuhan secara rantingan. Singgungan seperti ini terjadi

kerana para pengkaji historiografi beranggapan bahawa warisan linguistik bahasa Melayu merupakan suatu warisan ilmu yang tidak asli, malah sekadar diterbitkan daripada suatu warisan keilmuan lain yang lebih besar dan lebih sistematik. Dalam karya 3 jilid suntingan Sylvain Aurox, E.F.K. Koerner, Hans-Josef Niederehe dan Kees Versteegh (2000) sebagai contoh hanya memuatkan satu makalah ringkas tentang linguistik bahasa Melayu. Makalah yang dimaksudkan ini ditulis oleh Nico Kaptein (2000:333) berjudul *Arabic influence of Malay linguistics*. Daripada judul pun sudah menunjukkan bayangan bahawa tiada warisan linguistik bahasa Melayu yang mandiri. Atau, kalau adalah warisan linguistik bahasa Melayu itu, warisan tersebut hanya muncul setelah bahasa Melayu berkontak atau bertembung dengan bahasa Arab. Maka, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa tanpa bahasa Arab, tiadalah warisan linguistik bahasa Melayu.

Isu kedua pula secara khusus merujuk ketidakadilan dalam pentafsiran tujuan, perkaedahan dan amalan pemerian bahasa Melayu yang dikerjakan oleh bahasawan watan sebelum kemunculan pengaruh warisan linguistik asing dan linguistik moden. Teeuw (1961) misalnya pernah menganggap dua karya Raja Ali Haji yang dinyatakan sebelum ini sebagai hasil yang tidak sistematik. Bahkan karya itu wajar diabaikan sahaja kerana tidak mengandungi maklumat bermanfaat bagi memahami tabii nahu bahasa Melayu kecuali sebagai dokumen sejarah. Blust (2013) pula dalam tinjauan cemerlangnya terhadap warisan penelitian bahasa rumpun Austronesia langsung tidak menyebut sebarang karya yang dihasilkan oleh bahasawan watan kecuali karya nahu bahasa Iban oleh Asmah Haji Omar. Betapa aneh, sedangkan banyak karya penelitian bahasa dikerjakan oleh bahasawan watan tetapi langsung tidak diiktiraf. Oleh sebab itulah tanpa usaha penggalian sendiri, kita pasti tidak akan mendapat sebarang maklumat mengenai karya bahasa Melayu yang dikarang oleh bahasawan watan lain umpamanya oleh Abdullah Abdul Rahman, Ahmad Ya'akob al-Johori dan Said Suleiman kerana karya tersebut memang terabai dalam sebarang pengkajian historiografi linguistik pada masa ini. Soalnya, mengapa semua perkara ini berlaku?

Makalah ini berpendapat semuanya berlaku disebabkan oleh satu hal, yakni ketidakadilan. Maksud ketidakadilan ialah wujud kecenderungan dalam kalangan pengkaji linguistik moden untuk memaksakan perspektif sendiri bagi memahami objek penelitiannya. Teeuw umpamanya tiba pada kesimpulan tentang Raja Ali Haji disebabkan perspektif yang diyakininya. Perspektif berkenaan tentulah tidak sesuai diterapkan untuk memahami perkaedahan dan amalan pemerian bahasa yang asing daripada warisan yang dianutinya. Maka, jelaslah bahawa sama ada isu pertama ataupun isu kedua, pokoknya tetap berpunca daripada kegagalan menonjolkan ketulenan yang menjadi teras kepada pentakrifan sesuatu warisan keilmuan.

Dua isu ini juga membuatkan pengkaji bertanya beberapa soalan asasi dalam usaha untuk menerbitkan suatu kerangka konseptual atau kerangka falsafah bahasa Melayu dan seterusnya kerangka falsafah linguistik bahasa Melayu, yakni: adakah linguistik bahasa Melayu merupakan suatu warisan keilmuan yang asli? Soalan ini harus ditanyakan kerana hal ini tidak menjadi masalah jika linguistik bahasa Melayu bukan warisan keilmuan yang asli seperti yang dinyatakan di atas. Akan tetapi, jika sebaliknya, yakni linguistik bahasa Melayu merupakan suatu warisan keilmuan, maka kita akan berdepan dengan masalah besar yang menuntut penjelasan tuntas, yakni mengapakah warisan keilmuan Melayu tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam historiografi linguistik dunia? Pembuktian mengenai taraf linguistik bahasa Melayu sebagai suatu warisan keilmuan sangat penting khususnya bagi upaya untuk menjadikannya sebagai warisan keilmuan yang mandiri dan mungkin juga warisan keilmuan yang diasaskan oleh acuan sendiri. Kemandirian warisan keilmuan membayangkan bahawa ia didukung oleh suatu wawasan falsafah yang utuh. Yang menjadi masalahnya ialah wawasan falsafahnya tidaklah diketahui. Jadi, apakah yang perlu dilakukan? Sudah ditegaskan bahawa jawapan yang paling nyata ialah keperluan untuk menyerlahkan unsur asli yang ada dalam warisan keilmuan linguistik watan. Namun begitu, masalahnya tetap timbul, iaitu warisan linguistik bahasa Melayu masih diragui status keasliannya.

Benarlah bahawa mungkin kewujudannya diyakini berdasarkan karya yang sedia ada yang dikarang oleh para bahasawan watan. Akan tetapi, fakta historiografi moden yang dinyatakan sebelum ini pula seolah-olah menafikannya. Justeru, tugas penting ialah menampilkan secara nyata dan ilmiah tentang kewujudan warisan keilmuan yang digelar sebagai warisan linguistik bahasa Melayu. Isunya ialah bagaimanakah melakukan kerja-buat ini? Seperti yang ditegaskan dalam acara anjuran *Toko Buku Pujangga Baru* itu, bahawa perkara mendesak yang perlu dilakukan ialah membangunkan suatu kerangka konseptual atau kerangka falsafah bahasa Melayu yang berdaya untuk digunakan sebagai inti atau sebagai teras kepada takrifan warisan linguistik bahasa Melayu. Lalu, pertanyaan berbangkit setelah soalan asasi ini diteliti ialah keperluan akan suatu huraian yang jelas terkait dengan maksud warisan linguistik bahasa Melayu. Kemudian, perlu pula menampilkan ciri-ciri yang ada dalam perkaedahan dan amalan pemerian bahasa Melayu bagi membolehkannya dipasakkan kepada maksud warisan ilmu itu.

Jika ditanyakan mengenai maksud warisan linguistik bahasa Melayu, barangkali terbit sedikit kesukaran bagi menyerlahkan takrifnya yang tuntas dan boleh beroperasi bagi memahami kesemua karya yang memerikan bahasa Melayu sejak Raja Ali Haji. Hal ini demikian kerana apabila berbicara tentang warisan keilmuan, tumpuan sudah pastilah diberikan pada aspek ketulenan atau keaslian. Malangnya,

yang dibuktikan sebagai hal yang mendasari matlamat dan amalan pemerian bahasa Melayu selama ini adalah dipengaruhi dan dibentuk oleh dua warisan keilmuan linguistik yang besar, iaitu warisan linguistik Arab dan warisan linguistik Eropah. Dalam penjelasan yang lain, tanpa kedua-dua warisan keilmuan ini, maka tiadalah warisan linguistik bahasa Melayu. Maka, maksud warisan linguistik bahasa Melayu sejajar sahaja dengan maksud warisan linguistik Arab dan warisan linguistik Eropah.

Mohd Tarmizi (2014) pernah menegaskan bahawa tujuan, perkaedahan dan amalan pemerian bahasa Melayu yang menuruti warisan linguistik Arab terbina atas dasar preskriptif atau “apa yang sepatutnya.” Tujuan, perkaedahan dan amalan pemerian bahasa Melayu yang ditautkan pada warisan linguistik Eropah pula lebih dekat dengan dasar deskriptif atau “apa adanya.” Faktanya, ketidakmandirian warisan linguistik bahasa Melayu menatijahkan ketiadaan falsafah yang menjadi dasarnya. Hakikatnya begini. Sebelum apa-apa yang dikaitkan dengan warisan keilmuan muncul, seharusnya falsafahlah yang lebih awal dirumuskan. Sebagai gagasan pokok, falsafah memayungi pembentukan sesuatu warisan keilmuan. Falsafah dipasak pula dengan beberapa tiang seri penting khususnya ontologi dan epistemologi, termasuk juga metodologi bagi menterjemahkan aspek praktisnya.

Ontologi berbicara mengenai tabii sesuatu bidang ilmu. Jika mengambil linguistik sebagai contoh, maka ontologi menanyakan soalan seperti apakah yang dimaksudkan dengan suatu bidang ilmu yang digelar sebagai linguistik? Dengan kata lain, apakah linguistik? Selain itu, yang turut ditanyakan ialah apakah yang menjadi tujahan dan objek penelitiannya? Juga soalan mengenai cakupan, batasan dan tujuan akhir linguistik turut menjadi bahasan ontologi. Epistemologi pula berbicara mengenai kaedah atau cara pengetahuan bahasa dan linguistik diperoleh. Memang diakui bahawa hal ini secara khusus merujuk aspek pemerolehan bahasa. Namun begitu, maksud epistemologi yang ini turut menayangkan satu sisi lain yang menyentuh tentang kaedah atau cara ahli bahasa mendapat pengetahuan tentang tabii bahasa. Maka, perkara yang dibincangkan dalam bahasa epistemologi ialah mengenai tujuan teori, bentuk teori dan tabii data. Metodologi atau tatakaedah bukanlah tercakup dalam perbahasan falsafah bahasa secara khusus tetapi penting untuk disembulkan di sini memandangkan keterikatannya dengan falsafah linguistik (Scholz et al., 2011). Secara khusus, metodologi merujuk tatakaedah yang dibangunkan dan diterapkan bagi menganalisis tabii bahasa. Metodologi seharusnya memenuhi beberapa perkara, antaranya kerapian (*rigorous*) dan keabsahan.

Kerapian secara ringkasnya merujuk ketelitian prosedur pengoperasian metodologi atau tatakaedah. Kita boleh mengambil *Pelita Bahasa Melayu* karangan Za'ba sebagai contoh. Karya ini boleh dianggap sebagai sebuah karya nahu yang rapi dari segi pengoperasian metodologinya. Pertama, tabii data yang

digunakan oleh Za'ba dinyatakan secara jelas yang meliputi intuisi penutur natif dan pemerhatian (*observation*). Dalam maksud lain, nahu Za'ba menggabungkan rasionalisme dan empirisme sekali gus. Kedua, penggalan unsur bahasa dilakukan secara pemeringkatan bermula dengan bunyi, perkataan dan seterusnya ayat. Keabsahan pula lebih bertumpu pada data. Isu yang cuba ditangani ialah apakah bentuk data yang berpada bagi penelitian bahasa? Selain itu, yang turut dibahaskan ialah siapakah penyumbang data murni bagi penutur sesebuah bahasa?

Membangunkan kerangka konseptual atau kerangka falsafah bahasa Melayu perlu mengandungi sekurang-kurangnya tiga tiang seri ini. Pembangunannya mestilah berteraskan konsep dan makna yang terkandung dalam ungkapan *reti bahasa*. Secara kasar, *reti bahasa* merujuk suatu kerangka pengetahuan dan amalan berbahasa Melayu yang bertunjangkan sudut pandang (*worldview*) dan kebudayaan Melayu. Kedua-duanya terbit daripada makna bahasa yang mencakupi pengetahuan tentang peraturan nahu, amalan berbahasa dan pengaruh pengetahuan ini terhadap pembentukan pemikiran yang lurus dan akhlak yang molek menuturi norma dan sistem nilai yang dipegang dan dihayati oleh masyarakat penuturnya.

Bahagian awal makalah ini merumuskan konsep *reti bahasa* sebagai mencakupi empat teras, iaitu tatabahasa, tataberbahasa, tatafikir dan tatalaku. Sememangnya diyakini bahawa keterikatan empat teras ini dalam usaha membina kerangka falsafah bahasa Melayu dan falsafah linguistik bahasa Melayu membayangkan *reti bahasa* sebagai satu istilah yang bersifat terangkum (*holistik*) kerana mencakupi semua elemen dalaman dan luaran bahasa manusia (*I-language* dan *E-language*). Selain itu, keterangkuman *reti bahasa* juga terserlah kerana berdaya menautkan unsur teknis linguistik (iaitu tatabahasa dan tataberbahasa) dengan unsur psikologis, falsafah dan badani (iaitu tatafikir dan tatalaku). Keterangkuman menunjukkan *reti bahasa* mempunyai potensi besar untuk diserlahkan sebagai falsafah ulung yang mendasari pewujudan warisan keilmuan linguistik bahasa Melayu. Maka, kegiatan pemerian bahasa Melayu dengan falsafah *reti bahasa* mempunyai sekurang-kurangnya empat tujuan, iaitu:

1. Tujuan pertama ialah *reti bahasa* berupaya digunakan sebagai kerangka umum untuk menjelaskan mekanisme penggunaan bahasa yang berpunca daripada kewujudan peraturan/hukum atau struktur abstrak yang menerbitkan fakta linguistik yang konkrit.
2. Tujuan kedua pula berhubungan dengan matlamat pemerian bahasa yang melangkaui penjelasan struktur abstrak dengan fakta linguistik konkrit kerana

perlu tiba pada penjelasan tentang hubungan struktur dan fakta linguistik dengan pengetahuan lakuannya (tindak-tutur atau lakuan bahasa atau *speech acts*).

3. Tujuan ketiga merujuk matlamat pemerian bahasa yang perlu juga untuk tiba pada perungkaian mengenai perkaitan antara struktur dan fakta linguistik konkrit dengan akal dan kesedaran akhlakiah penuturnya seperti yang menjadi semangat aliran Herder, Humboldt, Sapir dan Whorf.
4. Tujuan keempat ialah maksud dan tujuan pemerian bahasa bukan sekadar mengenai struktur dan fakta linguistik konkrit, tetapi pengaruhnya dalam membentuk pemikiran yang rasional (berteraskan struktur linguistik yang sejagat) dan akhlak yang molek (berteraskan sistem nilai dan agama yang diyakini justeru bersifat *bijagat*).

KESIMPULAN

Makalah ini berusaha sedaya upaya membincangkan dan merumuskan *reti bahasa* sebagai falsafah, konsep dan alat analisis yang mendasari kerja-buat linguistik bahasa Melayu. *Reti bahasa* juga turut dirumuskan sebagai dasar ampuh yang menunjangi warisan linguistik bahasa Melayu sekurang-kurangnya sejak Raja Ali Haji. Sebagai suatu kerangka falsafah dan kerangka konseptual, tulisan ini bermula dengan menampilkan istilah *tahu bahasa* yang dikemukakan oleh Hassan Ahmad sebagai sandaran utama. Walaupun *tahu bahasa* ini dihuraikan sebagai merangkumi fungsi sosial dan fungsi adat, namun istilah ini mengabaikan dua lagi fungsi penting, iaitu fungsi akhlak dan fungsi pemikiran.

Disebabkan kekurangan ini, maka tulisan ini menggantikan istilah *tahu bahasa* kepada *reti bahasa* dengan empat fungsi utama: sosial, adat, akhlak dan pemikiran. Empat fungsi ini kemudiannya diumpukkan di bawah empat teras yang melingkungi *reti Bahasa*, iaitu tatabahasa, tataberbahasa, tatalaku dan tatafikir. Sebagai alat analisis pula, tulisan ini mencadangkan agar *reti bahasa* diangkat sebagai semacam kerangka teoretis dan tatakaedah untuk menuntun kita melakukan kegiatan pemerian bahasa. Selain itu, kerangka teoretis dan tatakaedah ini juga berupaya membantu kita memahami ketulenan warisan linguistik bahasa Melayu sejak dahulu sehingga kini.

Walau bagaimanapun, makalah ini masih lagi bertaraf pemaparan, yakni memaparkan rumusan *reti bahasa* dan kemungkinan gerak-kerjanya dalam kegiatan pemerian bahasa. Yang masih belum diketengahkan dalam makalah ini ialah suatu model formal dan sistematik yang bergelar *reti bahasa* itu. Andai kata model yang

dimaksudkan ini berjaya dijelmakan, apakah pula perbezaannya dengan model-model lain yang sedia ada dalam linguistik moden? Persoalan tetap tinggal sebagai persoalan sehinggalah modelnya berjaya dihasilkan.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Adnan Nawang. (2009). *Za'ba dan Melayu*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1976). Pendita Za'ba: Suatu penghormatan. Dlm. *Esei-esei penghormatan kepada Pendita Za'ba*. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2005). *Islam and secularism*. International Islamic Thoughts and Civilisation (ISTAC).
- Baghramian, Maria & Carter, J. Adam. (2022). Relativism. Dlm. Edward N. Zalta (Ed.), *The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (Spring 2022 Edition), URL = <https://plato.stanford.edu/archives/spr2022/entries/relativism/>. Diakses pada 16 Mac 2023.
- Blust, R. (2013). *The Austronesian languages*. Edisi kedua. Asia-Pacific Linguistics Open Access Monographs: A-PL 008. Australian National University. <https://openresearch-repository.anu.edu.au/handle/1885/10191?mode=full>
- Collins, J. T., & Schmidt, H. (1992). Bahasa Melayu di Pulau Ternate: Maklumat tahun 1599. *Jurnal Dewan Bahasa*, 292–327.
- Collins, J. T. (2018). *Mukadimah ilmu etimologi* (Edisi kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1992). Studying seventeenth-century Ambonese Malay: Evidence from F. Caron Sermons (1693). *Cakalele*, 3, 99–122.
- Collins, J. T. (1995). Der orientalische-indianische kunst-und lust gartner: an early German contribution to Malay dialect studies. Dlm. Rauch dan Moore (Ed.), *Across the ocean: Studies from east to west in honor of Richard K. Seymour*. University of Hawai'i.
- Collins, J. T. (2004). A book and a chapter in the history of Malay: Browerius' Genesis (1697) and Ambonese Malay. *Archipel*, 67, 77–127.
- Collins, J. T. (2016). *Wibawa bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (2018). *Malay, world language: A short history*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hassan Ahmad. (2016). *Bahasa dan pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gonda, Jan. (1973). *Sanskrit in Indonesia*. International Academy of Indian Culture.

- Kaptein, N. (2003). Arabic influence of Malay linguistics. Dlm. Sylvain Auroux, E.F.K. Koerner, Hans-Josef Niederehe & Kees Versteegh (Eds.), *History of the Language Sciences*. De Gruyter.
- Karim Harun. (2006). *Sejarah linguistik: Tiga nahu Melayu abad ke-17* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Karim Harun. (2017). *Nahu bahasa Melayu abad ke-17*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koerner, E. F. K. (1978). *Towards a historiography of linguistics: Selected essay (studies in the history of the language sciences)*. John Benjamins.
- Koerner, E. F. K. (1989). *Practicing linguistic historiography*. John Benjamins.
- Kuhn, Thomas. (1995). *Struktur revolusi sains*. Terj. Shaharir Mohamad Zain. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maier, H. (2004). *We are playing relatives: A survey of Malay writing*. KITLV.
- Marsden, William. (1984). *A Dictionary and grammar of the Malayan language*. Oxford University Press.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2014). Adakah nahu bahasa Melayu beracuan sendiri? *Kesturi*, 24(2), 66–91. Terbit secara dalam talian (<http://www.kesturi.net/?p=2427>) pada September 2015.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2017, Ogos). Pekerti. *Dewan Bahasa*, 41–44.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2019a). Tabii tanda bahasa dari kaca mata Sheikh Ahmad al-Fathani: Suatu gagasan pemikiran. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 60–77.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2019b, Februari). Mengerti bahasa. *Dewan Bahasa*, 34–37.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2020a, Mac). Tuhan. *Dewan Bahasa*, 42–45.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2020b, Disember). Peradaban. *Dewan Bahasa*, 40–43.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2022). *Ratib bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2023, Januari). Makna teoretis pemerian bahasa. *Dewan Bahasa*, 41–44.
- Nik Safiah Karim. (2010). *Panorama bahasa Melayu sepanjang zaman*. Penerbit Universiti Malaya.
- Scholz, Barbara C., Francis Jeffry Pelletier, Geoffrey K. Pullum, and Ryan Nefdt, (2011). Philosophy of linguistics. Dalam *The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (Spring 2022 Edition). <https://plato.stanford.edu/archives/spr2022/entries/linguistics/>. Dicapai pada 31 Januari 2023.
- Shaharir Mohamad Zain. (2010a). Tabii kaedah sains. *Kesturi*, 20(1), 124–142.
- Shaharir Mohamad Zain. (2010b). *Pembinaan semula teori kepengurusan dan kepemimpinan alam Melayu*. Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Shaharir Mohamad Zain. (2014a). Bahasa penemu ilmu. *Kesturi*, 24(2), 119–137.
- Shaharir Mohamad Zain. (2014b). *Kritikan teori kejadian alam semesta*. UM Press.
- Steiner, G. (2011). *The poetry of thought: From Hellenism to Celan*. New Directions Publishing.

- Teeuw, A. (1959). The history of the Malay language: A preliminary survey. *Bijdragen tot de taal-, land- en volkenkunde / Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*, 115(2), 138–156. doi: <https://doi.org/10.1163/22134379-90002240>
- Teeuw, A. (1961). *A critical survey of studies on Malay and bahasa Indonesia*. Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde. Bibliographical Series, 5. 's-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Teo Kok Seong. (2021). Linguis nasionalis ulung negara. Makalah yang dibentangkan dalam Webinar Pemikiran Dato' Dr. Hassan Ahmad (1936–2011). Anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor pada 26 Julai 2021.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. (2005). *Syeikh Ahmad al-Fathani: Pemikir agung Melayu dan Islam*. Khazanah Fathaniyah.